

Bercakaplah dengan doktor anda mengenai Penyaringan dan Ujian-Ujian Genetik.

Pengesanan awal boleh menyelamatkan nyawa.

Jika anda bimbang tentang risiko anda menghidap barah kolorektal atau lain-lain jenis barah, bercakaplah dengan doktor anda. Tanyakan soalan-soalan yang berikut semasa temujanji dengan doktor anda:

- Apakah risiko saya menghidap barah kolorektal atau jenis barah yang lain?
- Apakah yang boleh saya lakukan bagi mengurangkan risiko barah saya?
- Apakah pilihan saya untuk penyaringan barah?

Jika anda bimbang tentang sejarah keluarga anda, tanyakan soalan-soalan yang berikut:

- Adakah sejarah keluarga saya meningkatkan risiko saya menghidap barah kolorektal atau jenis barah yang lain?
- Adakah ujian-ujian MSI atau IHC pernah dibuat pada tisu tumor saya?
- Patutkah saya bertemu dengan seorang kaunselor genetik?
- Patutkah saya mempertimbangkan ujian genetik?

Kini barah kolorektal merupakan barah yang paling lazim di Singapura yang menjejaskan kedua-dua kaum lelaki dan wanita.

Bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat?

Kaji semula sejarah barah keluarga anda dengan doktor anda.

Perkhidmatan Genetik Barah Pusat Barah Nasional Singapura

Tingkat B2, 11 Hospital Drive Singapura 169610
Hubungi **6436 8088** untuk satu rujukan atau temujanji.

Isnin – Jumaat: 8.30 pagi hingga 5.30 petang
Tutup pada Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Awam

Untuk maklumat am mengenai barah:

Hubungi Cancer Helpline di **6225 5655**
atau emel kepada cancerhelpline@nccs.com.sg

Lungsuri lelaman web Perkhidmatan Barah Genetik di
[http://www.nccs.com.sg/PatientCare/CancerGenetics Service](http://www.nccs.com.sg/PatientCare/CancerGeneticsService)

Ini adalah satu inisiatif pendidikan awam oleh:

Pendidikan Barah &
Perkhidmatan Maklumat

No. dokumen CEIS-EDU-PEM-044/0318

Perkhidmatan Genetik Barah



National Cancer
Centre Singapore
SingHealth

Sindrom Lynch

Bukan Poliposis Keturunan Barah Kolorektal (HNPCC)

Adakah sesiapa di kalangan keluarga anda yang menghidap barah kolon?



Apakah itu Sindrom Lynch?

Sindrom Lynch merupakan bentuk barah kolorektal berketurunan yang paling lazim. Mereka yang menghidap sindrom Lynch mempunyai risiko tinggi untuk menghidap barah kolon begitu juga dengan barah-barah yang berkaitan dengan saluran penghadaman, dan organ-organ yang lain. Jika terdapat seorang anggota keluarga yang menghidap sindrom Lynch, saudara terdekat mereka juga berkemungkinan menghidapnya juga.

Apakah penyebab-penyebab sindrom Lynch?

Sindrom Lynch adalah sindrom barah kolorektal berketurunan. Ini bermakna risiko barah tersebut boleh diturunkan melalui satu generasi ke generasi seterusnya dalam sesebuah keluarga. Satu mutasi genetik (perubahan) dalam gen-gen yang berikut: *MLH1*, *MSH2*, *MSH6*, *PMS2*, dan *EPCAM* meningkatkan risiko seumur hidup untuk menghidap barah kolorektal dan barah-barah yang lain. Wanita juga akan mempunyai peningkatan risiko seumur hidup untuk menghidap barah endometrial dan ovari. Mereka yang dilahirkan menghidap mutasi gen sindrom Lynch berkemungkinan atau tidak berkemungkinan menghidap barah, walau bagaimanapun risiko menghidap barah mereka adalah tinggi.

Kebanyakan keluarga tidak menghidap sindrom Lynch.



Adakah keluarga saya berisiko menghidap sindrom Lynch?

Barah kolorektal adalah barah yang lazim. Di Singapura, ia merupakan barah yang paling kerap dihidapi di kalangan kaum lelaki Singapura dan barah yang kedua yang paling kerap dihidapi di kalangan kaum wanita.

Tetapi, barah kolorektal bukanlah barah berketurunan.

Sejarah barah pada saudara terdekat anda memberikan petunjuk mengenai keberkemungkinan keluarga anda menghidap sindrom Lynch. Saudara terdekat termasuk: anak-anak, saudara lelaki, saudara perempuan, ibu bapa, ibu saudara, bapa saudara, datuk nenek, dan cucu dari satu pihak keluarga. Sejarah barah pada sepupu dan saudara-mara jauh mungkin juga penting.

Barah sindrom Lynch termasuk kolorektal, endometrial, ovari, perut, usus kecil, pankreas, ginjal, hepatobiliari, ureter, atau barah otak termasuk tumor kulit yang tertentu.

Sindrom Lynch berkemungkinan besar dihidapi jika salah satu atau lebih ciri-ciri berikut terdapat pada keluarga anda:

- Seorang yang menghidap barah kolorektal pada usia 50 tahun atau lebih muda.
- Seorang yang menghidap barah kolorektal and barah sindrom Lynch dimana satu daripadanya dikenal pasti pada usia 50 tahun atau lebih muda.
- Dua ahli keluarga terdekat menghidap barah sindrom Lynch pada usia 50 tahun atau lebih muda.
- Tiga ahli keluarga terdekat (lebih dari satu generasi) yang menghidap barah sindrom Lynch termasuk sekurang-kurangnya satu kes barah kolorektal DAN sekurang-kurangnya satu barah yang dikenal pasti pada usia 50 tahun atau lebih muda.
- Hasil keputusan IHC atau MSI yang tidak normal pada tisu-tisu tumor.

Bagaimanakah sindrom Lynch didiagnosis?

Ujian penyaringan ke atas sindrom Lynch – ujian MSI dan IHC

MSI = Ketidakstabilan Mikrosatelit
IHC = Immunohistokemistri

MSI dan HIS adalah ujian-ujian penyaringan yang dijalankan keatas tisu tumor (barah) untuk membantu memastikan sama ada sindrom Lynch berkemungkinan ada.

Ujian penetapan keatas sindrom Lynch - Ujian Genetik

Apabila kriteria yang tertentu ditemui sindrom Lynch boleh dikenal pasti melalui ujian genetik darah yang boleh didapati di Perkhidmatan Genetik Barah. Oleh sebab ujian genetik adalah rumit, proses ini akan ditawarkan bersama kaunseling genetik dan proses keizinan.

Jika sejarah barah keluarga anda memungkinkan adanya sindrom Lynch, sila bercakap dengan doktor anda. Satu rujukan ke Perkhidmatan Genetik Barah boleh membantu anda mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai sindrom Lynch dan ujian genetik.

Memperolehi maklumat mengenai mutasi gen sindrom Lynch mungkin membantu untuk

- Memberitahu ahli keluarga mengenai risiko mereka menghidap barah
- Penyaringan barah secara langsung dan pengurangan risiko pilihan yang sesuai
- Menerangkan sejarah barah kepada keluarga